Publication: Berita Harian, pg 11

Date: 19 January 2023

Headline: SMU Academy to launch Metaverse, Web 3.0 technology certificate programme

Akademi SMU bakal lancar program sijil teknologi Web 3.0, Metaverse

► HARITH MUSTAFFA

harithr@sph.com.sg

SEBUAH program pensijilan lanjut bagi membina kemahiran dalam teknologi terkini seperti Web 3.0, Metaverse, dan sistem Decentralised Autonomous Organisation (DAO) yang merangkumi teknologi seperti blockchain akan dilancar Akademi Universiti Pengurusan Singapura (SMU) hujung bulan ini.

Program Sijil Lanjutan dalam Web 3.0 berlangsung 12 hari itu dibentuk oleh cabang latihan profesional SMU itu dengan kerjasama syarikat TechFin Consulting dan diletak di bawah program SkillsFuture Singapura (SSG).

Kos program itu bermula pada harga \$1,488 dan program itu layak dibiayai menerusi Dana SSG dan kredit SkillsFuture dan dana Akaun Pendidikan Posmenengah (PSEA) bagi pemohon warga Singapura.

Dalam kenyataannya semalam, SMU dan TechFin berkata program itu dibentuk untuk memenuhi permintaan pekerja yang mahir dalam teknologi kewangan atau fintech di Singapura dan mengurangkan jurang pengetahuan terhadap teknologi Web 3.0.

"Sejak beberapa tahun lalu, pembinaan Web 3.0 telah menarik perhatian sedunia, memandangkan ia mempunyai potensi mengubah cara kami menggunakan Internet dan cara kita berinteraksi dengan teknologi," kata kenyataan itu.

Banyak syarikat antarabangsa dan jenama sedunia daripada pelbagai sektor telah meneroka dalam teknologi itu untuk memperluas tawaran produk mereka kepada pelanggan, tambahnya.

Mereka yang berjaya menyelesaikan program itu akan menerima Sijil Lanjutan dalam Web 3.0 oleh SMU.

Kursus itu akan memperkenalkan kepada peserta secara mendalam dan luas apa itu Web 3.0 dan membolehkan mereka memahami konsep di sebalik beberapa istilah vang sering digunakan dalam sektor ini.

Ini termasuk meliputi Metaverse dan peluang yang ditawar teknologi itu; DAO dan bagaimana teknologi boleh memperkasa Syarikat Kecil dan Sederhana, perusahaan rintisan dan jenama, kata SMU.

Butiran terperinci berkenaan program tersebut boleh didapati di laman academy.smu.edu.sg

Menurut agensi rekrut pekerja antarabangsa British, kumpulan Robert Walters Group, sektor Transformasi dan Teknologi diramal menjadi tarikan tertinggi dalam sektor pengambilan pekerja baru di Singapura.

Pekerja yang mahir dalam pembinaan sofwe, analisis data dan automasi awan atau cloud automation, boleh menjangkakan kenaikan gaji sebanyak 20 peratus disertakan manfaat menarik.

Pengarah Eksekutif Akademi SMU, Encik Jack Lim berkata:

"Pembangunan Web 3.0 akan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan di Singapura.

"Bagi lulusan ijazah baru mahupun mereka yang menukar kerjaya di tangga pertengahan, pengetahuan dan kefahaman terhadap Web 3.0 akan memberi mereka kelebihan strategik."

Beliau juga berkata kursus itu relevan dan bermanfaat bagi pekerja fintech untuk mengekalkan kemahiran daya persaingan mereka dalam pasaran.

Dengan pedagogi SMU, kursus itu akan menawarkan interaksi dalam format seminar yang menggalakkan perbincangan secara terbuka.

Sekitaran yang selesa juga akan menggalak peserta untuk berkongsi pengalaman dan meneroka pelbagai perspektif industri.

"Dengan proses itu, peserta berupaya meraih lebih banyak pengetahuan yang mendalam serta peluang membina rangkaian daripada sebarang buku atau laman web yang ada di luar sana," kata SMU dan TechFin lagi.